

Soalan 1 - 2

Isi setiap ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pengurus yang bertugas akan _____ jalur Gemilang ketika lagu "Negaraku" dinyanyikan.
 A naikan
 B menaiki
 C kenaikan
 D menaikkan
- 2 "Segeralah persiapkan kelengkapan untuk menyambut kepulangan puteri _____," titah tuanku kepada Bendahara.
 A aku
 B beta
 C saya
 D hamba

Soalan 3 - 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan** berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Rajah segi tiga mempunyai tiga *sempadan* dan tiga bucu.
 II *Sempadan* Malaysia-Thailand dikawal ketat agar tidak dicerobohi oleh penyeludup.
 III Kasih ibu bapa terhadap anak-anak tiada *sempadan*.
 IV Kasut sukan tidak *sempadan* digayakan dengan baju kurung.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 4 I Diana memandang ke arah pemuda itu dengan pandangan yang *tajam*.
 II Dia melemparkan sindiran *tajam* kepada golongan yang suka memandang rendah terhadap bahasa Melayu.
 III Pengerusi kelab sentiasa mengalu-alukan buah fikiran ahli yang *tajam*.

IV Suara penyanyi solo kumpulan itu nyaring dan *tajam*.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 - 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Penduduk kampung Sungai Sembilang saling bantu-membantu apabila mengadakan aktiviti.
 A saling bantu bila
 B saling bantu apabila
 C saling membantu apabila
 D saling bantu-membantu apabila
- 6 Ayah menghadiahkan ibu seutas rantai mutiara sempena ulang tahun perkahwinan mereka.
 A Ayah hadiah ibu
 B Ayah menghadiah ibu
 C Ayah menghadiahi ibu
 D Ayah menghadiahkan ibu

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Kita harus bersabar dan tabah menempuh pelbagai ujian dalam hidup.
 II Kebanyakan tetamu yang hadir ke majlis konvokesyen itu memakai pakaian formal.
 III Syafikah mengambil gambar rama-rama yang hinggap di atas sekuntum bunga.
 IV Safawi tersenguk-senguk selepas berjaya menamatkan larian sejauh 400 meter itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

- 8 I Peserta larian itu telah bersedia di garisan permulaan.
 II Puan Qistina penulis yang berkebolehan dan telah menghasilkan pelbagai jenis bahan bacaan.
 III Kamil tidur dengan nyenyaknya selepas menyiapkan kerja sekolah.
 IV "Saya harap anda faham akan apa yang saya maksudkan," kata Cikgu Habsah kepada anak muridnya.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Antara faktor yang dikenal pasti menjadi punca kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat ialah pemandunya tidak bertimbang rasa.
- A Kemalangan jalan raya menjadi punca pemandu kenderaan berat tidak bertimbang rasa.
 B Kemalangan jalan raya menyebabkan pemandu kenderaan berat hilang pertimbangan.
 C Pemandu kenderaan berat yang tidak bertimbang rasa menjadi punca utama kemalangan jalan raya.
 D Pemandu kenderaan berat yang tidak bertimbang rasa dikenal pasti sebagai antara punca berlakunya kemalangan jalan raya.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Peribahasa "nasi telah menjadi bubur" bermaksud
- A perbuatan yang sia-sia
 B sudah terlanjur dan tidak dapat diubah lagi
 C khabar sudah didengar namun buktinya belum ada
 D seseorang yang berpura-pura baik untuk menyembunyikan kesalahannya

Soalan Tambahan

Soalan 1

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Wakil rakyat itu berjumpakan dengan penduduk kampung untuk membincangkan perkara berbangkit.
- A berjumpa dengan penduduk kampung
 B menjumpai dengan penduduk kampung
 C perjumpaan dengan penduduk kampung
 D berjumpakan dengan penduduk kampung

Soalan 2

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 2 I Isu buli semakin mendapat perhatian di dalam kalangan masyarakat.
 II Kenangan semasa alam persekolahan tersemat di dalam hati.
 III Ahmad terjatuh di dalam kelas kerana kakinya tersandung meja.
 IV Kakak menjumpai beberapa keping duit syiling di dalam beg adik.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 3

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 3 Diana menyelesaikan kerja yang diberi oleh Cikgu Ali dalam masa setengah jam.
- A Kerja yang diberi oleh Cikgu Ali telah setengah jam yang lalu disiapkan oleh Diana.
 B Dalam masa setengah jam, kerja yang diberi oleh Cikgu Ali dapat disiapkan oleh Diana.
 C Kerja setengah jam itu akan diselesaikan oleh Diana seperti yang diarahkan oleh Cikgu Ali.
 D Semua kerja yang diberi oleh Cikgu Ali setengah jam yang lepas telah disiapkan oleh Diana.